

09/01/2001

Irfan temui pengganti Yaakob

Anuar Asmadi

SIKAP membisu penyerang yang menjadi idaman Pulau Pinang, Yaakob Aris - sama ada bersetuju menyarung jersi skuad itu - membuatkan pengendali, Irfan Bakti terpaksa memikirkan calon lain untuk mengisi kekosongan barisan depan.

Irfan yang masih menaruh harapan agar Yaakob tidak berubah hati menyumbang bakti dengan Pulau Pinang, terpaksa mengambil langkah berjaga-jaga itu kerana bimbang jika pemain berkenaan benar-benar berubah angin.

"Walaupun wujud spekulasi Yaakob dipikat pasukan lain, saya sebenarnya belum terima sebarang berita daripada pemain itu. Saya hanya mengetahui dia dipancing pasukan lain selepas membaca laporan akhbar," kata Irfan.

Irfan bagaimanapun berharap Yaakob menghubunginya dan menyelesaikan bersama sebarang masalah yang timbul.

Katanya, sehingga Yaakob menghubungi dan memberitahunya yang dia berminat mewakili negeri lain dan tidak lagi dengan Pulau Pinang, barulah berita yang dibacanya benar.

"Sebenarnya kami mempunyai dasar terbuka dan mampu berunding serta mengatasi setiap masalah yang timbul," katanya.

Yaakob, bekas penyerang Tentera itu pada awalnya dikatakan berminat menyarung jersi Pulau Pinang dan pasukan itu pula sedia menerima kehadiran pemain yang berasal dari Melaka itu. Cuma sikap membisunya membuatkan Pulau Pinang tertanya-tanya.

Pulau Pinang ketika ini sedang dalam pencarian untuk mendapatkan khidmat sekurang-kurangnya seorang penyerang berwibawa bagi digandingkan dengan Hasmawi Hassan dalam usaha menguatkan barisan serangan agar lebih berbisa dan menyengat.

Tetapi, Irfan tidak terkilan jika Yaakob benar-benar tidak berminat berbakti dengan Pulau Pinang.

"Kita mempunyai calon lain yang boleh mendampingi Hasmawi. Cuma saya tidak boleh menamakan pemain itu sekarang," kata Irfan.

Bagaimanapun Irfan mengakui sedang memberi tumpuan kepada dua penyerang muda, Samuel Raj dan Mahathir Mohamad untuk diketengahkan.

Kedua-dua pemain ini adalah penyerang utama skuad Piala Presiden musim lalu.

"Mereka juga sudah membuktikan kesungguhan dan bersedia beraksi dalam skuad senior," kata Irfan.

(END)